

Pelajar Cemerlang Tajaan Kerajaan Perlu Kembali Berkhidmat Kepada Negara - TPM
Bernama
19 April , 2012

KUALA LUMPUR, 19 April (Bernama) -- Pelajar cemerlang yang menerima tajaan kerajaan untuk melanjutkan pelajaran di luar negara dinasihat supaya mengambil peluang untuk menyalurkan potensi diri dan kembali berkhidmat kepada negara.

Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata ini kerana kadang kala, potensi seseorang individu hanya akan dapat diserlahkan apabila mereka diberi peluang.

Muhyiddin yang juga Menteri Pelajaran berkata dalam mengharungi persekitaran global yang semakin kompetitif dan mencabar tidak mustahil generasi pelajar yang ditaja hari ini akan mencapai kejayaan yang tidak mampu dicapai ketika ini.

"Sehubungan itu, saya ingin berpesan kepada pelajar sekalian selaku generasi muda bahawa masa depan negara kita terletak di bahu anda semua.

"Oleh itu, gunakanlah peluang ini untuk belajar bersungguh-sungguh dan apabila tamat pengajian nanti, curahkanlah khidmat bakti anda kepada negara," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada majlis penyampaian surat tawaran Biasiswa Nasional kepada 50 pelajar yang mendapat A+ bagi semua mata pelajaran dalam peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) 2011 di Institut Tadbiran Awam Negara di sini, pada Khamis.

Program Biasiswa Nasional yang hanya menaja 30 pelajar ketika dimulakan pada 2010, ditawarkan oleh kerajaan bagi membolehkan pelajar cemerlang melanjutkan pengajian ke universiti terkemuka dunia berasaskan merit akademik.

Muhyiddin berkata mulai tahun ini, kerajaan memutuskan untuk menambah bilangan penerima kepada 50 berikutan peningkatan ketara pelajar yang mencatat keputusan cemerlang dalam peperiksaan SPM lepas.

Timbalan Perdana Menteri berkata pelajar berkenaan akan ditaja daripada peringkat persediaan hingga ke peringkat ijazah pertama dalam pelbagai bidang pilihan mereka yang diiktiraf kerajaan di universiti dalam dan luar negara.

Beliau berkata tahun ini sahaja, kerajaan melalui Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) memperuntukkan RM2.12 bilion untuk membiayai kira-kira 12,000 pelajar cemerlang mengikuti pengajian peringkat ijazah pertama sama ada dalam mahupun luar negara.

Menurutnya, pelbagai program penajaan JPA termasuk program Biasiswa Nasional dilaksanakan bertujuan memastikan negara mempunyai modal insan yang berdaya saing dan sekaligus mampu memenuhi keperluan guna tenaga negara.

Seorang penerima biasiswa tersebut, Nur Shahera Yahya@Yahya, 17, melahirkan penghargaan kepada kerajaan dan bertekad menjadikan nasihat Timbalan Perdana Menteri sebagai pedoman dalam memburu kejayaan lebih cemerlang di masa depan.

Anak pemandu lori yang merupakan bekas pelajar Sekolah Menengah Sains Kluang, Johor, memperoleh 10A+ dalam semua mata pelajaran dan berhasrat melanjutkan pelajaran ke Australia bagi memenuhi impian menjadi ahli farmasi.

Bapanya Yahya Jumari, 47, turut berterima kasih kepada kerajaan kerana menyediakan peluang tersebut buat anaknya.

"Saya tak boleh nak kata apa-apa selain syukur dan berterima kasih kepada kerajaan. Saya pesan pada Shahera untuk buat yang terbaik dan mahu dia berkhidmat kepada kerajaan kelak sebagai membalas jasa," katanya.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=660233>